

Dr Mahathir, krisis berpisah tiada

Program HardTalk luangkan kesempatan untuk bekas PM jadi sasaran



“Umno akan sentiasa menghadapi krisis setiap 10 tahun, didahului oleh perkelahian Dr Mahathir dengan Tun Musa Hitam, kemudian pemecatan dan hukuman penjara ke atas Anwar dan kini serangan terhadap Abdullah - tiga krisis dalam tiga dekad dan setiap satunya berkisar kepada Dr Mahathir”



SUKAR untuk dimengertikan apa yang berkemungkinan terlintas di fikiran Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menyetujui temu bual dengan pengacara, Stephen Sackur, dalam program *HardTalk* melalui saluran BBC yang ke udara, petang Isnin lalu.

Banyak yang diperbualkan sepanjang kira-kira 30 minit itu yang kesudahannya menyerlahkan bekas Perdana Menteri itu terbukti tepat dalam tanggapannya bahawa beliau hadir atau lebih tepat lagi menyerah diri untuk dibelasah.

Harus tidak ramai tokoh dari Malaysia yang menerima 'penghormatan' untuk ditampilkan dalam program berkenaan sejauh ini dan tiada siapa juga dapat menidakkan Dr Mahathir adalah yang paling petah, keras hati dan berani.

Namun, di sebalik beliau berusaha keras untuk menampar atau mengalihpelbagai serangan terhadapnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, *HardTalk* sama adamahu diakui atau tidak-hanya berkira-kira untuk menelanjangi Dr Mahathir sendiri.

Soalan-soalannya datang secara tegas dan pantas. Dalam pada Dr Mahathir acap kali terkial-kial untuk menghabiskan ayatnya, soalan balas dan hujah disusuli bertalu-talu untuk memberikan persepsi kepada khalayak antarabangsa bahawa inilah perihai Malaysia yang harus dipercayai.

Bahawa pemimpinnya bergaduh sesama sendiri, bahawa orang yang menaikkan kini menyesali pelantikan orang yang dinaikkan, bahawa kini menjadi tanggungjawabnya untuk menurunkan orang yang dinaikannya itu.

Ia bukan pun dalam bentuk perdebatan tiga penjuru, maka tidak hairanlah kalau Dr Mahathir menonjolkan dirinya sebagai pihak yang tidak patut dipersalahkan, hanya untuk kesudahannya dijadikan belasan.

Sackur: Perdana Menteri Abdullah menyatakan anda adalah antara sumpahan yang memungkinkannya kejatuhannya kerana anda menghentamnya sepanjang dua atau tiga tahun lalu.

Dr Mahathir: Ia mungkin benar. Saya tidak nampak mengapa saya tidak boleh mengkritik salah laku olehnya.

Sackur: Salah laku apa?

Dr Mahathir: Pertama, kerajaan berjanji untuk menghapuskan rasuah dan langkah seperti itu tetapi kerajaan sendiri kini didapati rasuah.

Sackur: Anda merobek-robekkan parti anda sendiri walaupun itu adalah masalahnya. Itulah juga yang ramai ahli parti anda percayai.

Dr Mahathir: Kadangkala ia mungkin perlu. Saya beritahu orang saya seorang doktor. Kalau saya dapati sebelah kaki dijangkiti kuman, saya terpaksa potong ia.

Sackur: "Lebih banyak saya dengar daripada anda mengenai Perdana Menteri Abdullah, lebih banyak ia mengundang persoalan saya mengapa anda memilihnya sebagai pengganti?"

Dr Mahathir: "Mereka ini amat bijak dalam menyembunyikan perangai sebe-

nar mereka. Dia dikenali sebagai Mr Clean dan saya fikir saya harus melantik seorang yang bersih untuk menggantikan saya walaupun bukan dia yang mendapat undi tertinggi di dalam parti. Tapi saya fikir dia lebih berusia dan saya melantiknya dengan sangkaan dia tidak akan melakukan apa-apa kesalahan besar. Tapi orang ini memberi lebih keutamaan kepada keluarganya daripada kepada negara."

Sackur: Jadi ia berkisar kepada kurang pertimbangan di pihak anda?

Dr Mahathir: Ya, saya akui itu. Tapi kita semua membuat kesilapan. Orang British mengundi seseorang seperti Blair yang berbohong, begitu juga rakyat Amerika. Ramai orang yang membuat kesilapan.

Sackur: Rakyat Malaysia tidak lagi mahukan sistem yang anda wujudkan dan sebab itulah Abdullah terpaksa merungkai sistem berkenaan.

Dr Mahathir: Tidak! Dia bukan merungkai sistem, yang ada, dia memanfaatkan sistem itu dengan cara terburuk. Tiada sesiapa boleh berkata apa-apa menentang dia. Dia memiliki akhbar yang hanya melaporkan mengenai dia dan betapa bagusnyanya dia. Dan dia diperdayakan oleh penyokongnya sendiri untuk percaya bahawa jika dia mengadakan pilihan raya sekarang, iaitu satu setengah tahun lebih awal daripada penggalnya, dia akan menang, dia akan sapu bersih. Jika anda melihat kepada catatan yang ada, dia membuat kenyataan bahawa dia akan memenangi pilihan raya, dengan sifar kepada pembangkang.

Sesiapa juga boleh menyemak catatan untuk mendapati Abdullah sebenarnya tidak pernah menjanjikan demikian. Malah, walaupun ada kesilapan dalam coganannya, ia adalah pencapaian yang dijangkakannya cuma sedikit kurang daripada keputusan Pilihan Raya Umum 2004.

Jelas, dalam soal ini, Dr Mahathir melakukan pembohongan. Dalam pada itu, ia bukanlah sesuatu yang tidak harus dijangkakan daripadanyapada ketika beliau sendiri tidak sunyi daripada turut mendepani serangan terhadap era 22 tahun pemerintahannya.

Akhbar mingguan *The Edge* dalam lidah pengarangnya 5 April lalu, contohnya, antara lain mengingatkan rakyat Malaysia terhadap pelbagai masalah yang melanda Umno dan negara, turut berlaku ketika Dr Mahathir paling berkuasa.

Di sebalik Dr Mahathir memilih untuk mengingati hanya apa yang beliau suka, kata akhbar itu, bekas Perdana Menteri tidak boleh lepas tangan daripada pemecatan ketua hakim dan dua hakim lain pada 1988 di samping beliau jugalah yang memperkenalkan kuota 30 peratus pencalonan untuk jawatan presiden Umno.

Umno, kata akhbar itu lagi, akan sentiasa menghadapi krisis setiap 10 tahun, didahului oleh perkelahian Dr Mahathir dengan Tun Musa Hitam yang ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri, kemudian pemecatan dan hukuman penjara ke atas Anwar dan, kini serangan terhadap Abdullah - tiga krisis dalam tiga dekad dan setiap satunya berkisar kepada Dr Mahathir.

Namun, akhbar itu sendiri tidak yakin Dr Mahathir akan berubah sekalipun sesudah digambarkan sebagai pembohong atau hipokrit kerana tempoh 22 tahun kekuasaannya turut menyerlahkan dirinya sebagai seseorang yang boleh bersikap menebalkan muka atau memekakkan telinga terhadap apa saja yang berlawanan dengan kehendaknya.

Jika diamati hujah serangan Dr Mahathir sama ada dalam temu bual *HardTalk* atau pada kesempatan lain sebelumnya, gambaran yang boleh didapati ialah banyak perkara yang tidak semena-mena menjadi serba tidak kena sesudah Abdullah mengambil alih teraju pentadbiran.

Namun, seperti didedahkan dalam program BBC itu, sistem dan ideologi berasaskan kaum, rasuah, kronisme, pencabulan hak asasi manusia, sistem kehakiman dan sekatan kebebasan bersuara, yang menjadi antara sebab utama kemarahan rakyat, bukan ciptaan pentadbiran Abdullah melainkan ia diwarisi daripada pemimpin terdahulu.

Tentunya Dr Mahathir tidak diharapkan untuk mengakuinya demikian, seperti yang boleh diamati ketika beliau cuba mempertahankan diri dalam temu bual berkenaan:

Sackur: Bukankah daripada apa yang boleh kita lihat di Malaysia hari ini, kemarahan sebenar bukanlah sangat kepada Abdullah, sebaliknya sistem dan ideologi yang anda terapkan kepada negara anda?

Dr Mahathir: Sistem dan ideologi itu sudah pun terpakai sejak 50 tahun lalu. Ia amat berkesan hingga kami sentiasa memenangi pilihan raya, rakyat menyokong kami dan negara juga amat berjaya se-

panjang 50 tahun pelaksanaan sistem berkenaan.

Sackur: Namun, pembangkang berjaya meyakinkan orang ramai untuk tidak lagi mahukan sistem berasaskan kaum di Malaysia dan sistem itulah juga yang menjadi platform untuk anda mentadbir Malaysia selama 22 tahun.

Dr Mahathir: Tapi hakikatnya ialah keputusan pilihan raya kali ini adalah kerana penolakan penyokong parti pemerintah terhadap kepemimpinan sekarang.

Sackur: Tapi 80,000 orang daripada masyarakat India, contohnya, berdemonstrasi November lalu kerana mereka tidak lagi menerima pemisahan kaum yang anda jadikan gagasan.

Dr Mahathir: Kenapa sekarang? Kenapa tidak masa saya? Mereka agak bebas untuk mengadakan demonstrasi. Kebanyakan mereka yang tidak bersetuju dengan saya, mengadakan demonstrasi...

Di sebalik Dr Mahathir meneruskan desakannya agar Abdullah segera melepaskan jawatan, kini Datuk Seri Najib Razak turut tidak lagi menjadi pilihannya untuk mewarisi kepemimpinan;

"Kita lihat dia penakut. Dia sentiasa mengatakan 'yes sir, yes sir', 'saya sokong, saya sokong', katanya ketika berucap dalam pertemuan dengan kira-kira 200 pelajar Malaysia di Manchester, awal minggu ini.

Atau pada kemahuan Dr Mahathir, sesiapa saja boleh menjadi Perdana Menteri, termasuk Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, atau Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, asalkan sesiapa antara mereka turut bersetuju kepada penubuhan sebuah Majlis Presiden yang akan menetapkan agenda kepada kepemimpinan negara.

Majlis Presiden itulah nanti yang akan mengekang kuasa presiden parti daripada menjadi seorang yang terlalu berkuasa - sama seperti ketika Dr Mahathir sendiri memegang teraju kepemimpinan negara.

Dengan beliau sendiri dicadangkan untuk turut menganggotai majlis berkenaan, barangkali tidak sukar untuk mengenai pasti jauh hari di sebalik manikam serangan Dr Mahathir sejauh ini.

Jika itu dibenarkan berlaku, hasrat rakyat seperti disuarakan melalui peti undi pada Pilihan raya umum 8 Mac lalu, tidak lagi akan bermakna apa-apa.